

ANALISIS KRITIS REPRESENTASI REMAJA MELAYU ISLAM DALAM FILMOGRAFI AHMAD IDHAM

*(A Critical Analysis of Representation of Muslim Malay Youth in
Ahmad Idham's Filmography)*

Bambang Suhartono Mohd Said, Wan Amizah Wan Mahmud & Badrul Redzuan Abu Hassan

ABSTRAK

Secara umum, isu remaja yang berkaitan dengan remaja Melayu Islam sering dijadikan naratif dalam filmografi Ahmad Idham. Representasi subjek ini biasanya merupakan paparan gaya hidup moden mereka, akibat moral dalam kehidupan sosialnya. Bagaimanapun, Ahmad Idham hanya menumpukan minatnya membuat filem yang dianggap terlalu klise dari sudut sosial dan moral. Kajian ini telah memilih dua filem *Syurga Cinta* (2009) dan *Aku Masih Dara* (2010) untuk mengkaji secara kritis hujah di atas dalam perbincangan terperinci berdasarkan Teori Perwakilan Stuart Hall (1997). Kajian kami menggunakan analisis kritis wacana filem dan kaedah temu bual mendalam dengan pengarahnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengarah Ahmad Idham telah membina subjek representasinya untuk memperlihatkan remaja Melayu sebagai gambaran kritikal terhadap peranan ibu bapa dan masyarakat secara amnya. Dalam analisis akhir, filem-filem terpilih mengenai remaja Melayu Islam memperlihatkan pentingnya unsur-unsur psikologi remaja dan logika sebab-akibat dalam representasi subjek ini.

Kata kunci: Representasi, gaya hidup moden, analisis kritis wacana, remaja Melayu Islam, Ahmad Idham

ABSTRACT

In general, youth issues pertaining to Muslim Malay youth have often been used as narratives in the filmography of Ahmad Idham. The representation of this subject matter is typically framed around their modern lifestyle and its social, moral consequences. Ahmad Idham however, has been suggested to be only interested in making films which are considered too cliché from social and moral perspective. This study has selected two films *Syurga Cinta* (2009) and *Aku Masih Dara* (2010) to critically examine the argument above in detailed discussions based on Stuart Hall's Representation Theory (1997). Our study used film critical discourse analysis and in-depth interview method with the filmmaker. The findings suggest that the director Ahmad Idham has been constructing his subject of representation in order to unveil the Muslim Malay youth as a critical reflection of the roles of parents and the society at large. In the final analysis, the selected films on Muslim Malay youths demonstrate the importance of the elements of adolescent psychology and causal logic in the representation of this subject matter.

Keywords: Representation, modern lifestyle, critical discourse analysis, Muslim Malay youth, Ahmad Idham

PENGENALAN

Perkembangan filem Melayu di Malaysia telah memperlihatkan fenomena kehidupan remaja seringkali menjadi pilihan tema dan penceritaan penerbit dan pengarah filem. Filem bertemakan remaja, semakin beragam dalam membangun suatu cerita yang menarik dan merupakan *entry point* yang penting untuk menyemak liku-liku kehidupan para remaja. Tema dan naratif tersebut secara spesifik ditujukan pada khalayak remaja pada dasarnya adalah indikator dari pemikiran, nilai dan juga cara pandang para remaja dalam masyarakat di mana media tersebut diproduksi dan diedarkan. Peratusan penonton di kalangan remaja iaitu 75.6%. membuktikan bahawa sifat dan motivasi penonton adalah pada filem bertemakan remaja (Ubong, 2015).

Filem adalah medium untuk memaparkan persoalan yang timbul dalam kehidupan meskipun sedikit sebanyak mengganggu persepsi terhadap realiti dan bahawa 'pengasingan' sebenarnya mesti dicari secara artistik. Kejelasan emosi filem jauh lebih jelas daripada kehidupan sebenar. Emosi yang nyata sering timbul atau menyatu (Johannes Ehrat, 2005). Konteks emosi filem sebahagian besarnya terbatas pada batasan dan durasi filem yang dinaratifkan melalui plot kehidupan watak. Sebilangan filem mempunyai kesan jangka panjang kepada kehidupan penonton. Bentuk umum naratif filem cenderung berdasarkan proses "kestabilan kepada ketidakstabilan kepada kestabilan" yang mungkin sudah penonton jangkakan (Nobert Wiley, 2003)

Filem juga dianggap medium representasi yang efektif kerana remaja lebih mudah memahami informasi dari penontoran filem. Melalui proses penontoran remaja akan sering mengaitkan cerita tersebut dengan pengalaman dan pengetahuan yang mereka miliki sehingga menciptakan pemahaman baru akan suatu hal (Salsabila, 2020).

Apa yang diproduksi oleh filem merupakan representasi realiti sosial yang merupakan jendela untuk memahami 'seperti apa' dan 'bagaimana ia berfungsi' menyampaikan tentang sesuatu realiti. Citra dan naratif dari sebuah filem adalah jendela yang cukup signifikan untuk melihat dan memahami realiti sosial yang terjadi pada ruang dan kurun waktu tertentu serta memahami isu-isu atau perubahan-perubahan sosial yang terjadi di dalam masyarakat (Stuart Hall, 1995).

Pembikinan filem merupakan bingkai realiti sesuai dengan subjektifnya yang dipengaruhi oleh budaya dan masyarakatnya. Sebuah filem tentu dapat mewakili pula sudut pandang pembikinnnya seterusnya untuk mengkomunikasikan pandangan itu. Dengan kata lain, filem juga mengandungi ideologi pembikinnnya yang dapat mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap suatu hal. Hal ini wujud kerana representasi berkaitan dengan faktor persepsi dan tujuan setiap pengarah.

Persoalan yang sering timbul tentang filem-filem bertemakan ialah berpendapat bahawa kebanyakan filem genre remaja masih tidak menggambarkan kehidupan remaja secara tepat kerana kebanyakannya hanya memaparkan 'perkara-perkara remeh dalam kehidupan remaja sehari-hari'. Representasi remaja juga seringkali digambarkan berbeza. Namun, ia telah merangkumi 'struktur alamat' tertentu, 'alam semesta moral', dan sekumpulan 'kesan kebenaran' yang ditujukan untuk golongan remaja (Driscoll, 2011).

Pengarah Dr. Ahmad Idham yang sejak 16 tahun, (2002 hingga 2018) dalam 36 buah filemnya serta berjaya mendapat kutipan '*box-office*' sejumlah RM47.03 juta daripada 8 buah filemnya juga sering memaparkan representasi isu remaja sebagai konsep naratifnya yang sering menonjol dalam filmografinya. Sepanjang tahun 2009 hingga 2010 terdapat beberapa buah filem beliau yang memaparkan naratif tentang gaya hidup remaja Melayu Islam di bandar telah diterbitkan yang berkaitan dengan isu remaja pada waktu tersebut (sila rujuk Jadual 1). Objektif

artikel adalah menghasilkan analisis kritis wacana filmografi Ahmad Idham tentang isu remaja secara umum, dan secara khusus terhadap gaya hidup remaja moden Islam dalam filem *Syurga Cinta* (2009) dan *Aku Masih Dara* (2010).

Jadual 1: Keratan Akhbar tentang Isu Remaja 2009-2010

<ul style="list-style-type: none"> □ UM 24 JULAI 2010 : 111 remaja bawah umur mabuk di pusat hiburan mengadakan " ladies night " setiap rabu dan khamis. □ THE STAR , 11 Julai 2010: Remaja perempuan Tingkatan 1 mengadakan pertandingan " siapa memiliki pasangan seks yang paling ramai?". Pemenangnya pernah melakukan seks dengan 30 orang! 	 <ul style="list-style-type: none"> □ BH 20 JUN 2010 : - Kajian UPM daripada 300 responden (13-25 tahun) pernah melakukan seks luar nikah : 85% tidak rasa malu, tidak takut melakukan dosa dan tidak menyesal malah menganggap suatu yang MENYERONOKKAN. 	 <p>(Nik Sukry Ramli.NSTP,2 Jan 2009. Berita Harian)</p>	 <p>(Mohd Azis Ngah. NSTP, 2 Mac 2009. Berita Minggu)</p>
--	---	--	--

SOROTAN LITERATUR

Takrifan dan Konsep Representasi

Representasi adalah bahagian penting dari proses di mana makna dihasilkan dan ditukar antara anggota budaya (Hall,1997). Juga dianggap sebagai suatu proses yang melambangkan sesuatu atau menggambarkannya, memanggilnya dengan keterangan atau gambaran atau khayalan; untuk meletakkan kesamaan di hadapan kita dalam fikiran atau indera kita. Menurut Hall lagi, representasi hanya dapat dianalisis dengan betul sehubungan dengan bentuk konkrit yang sebenarnya yang diandaikan dalam praktik konkrit menandakan, ‘membaca’ dan tafsiran, yang memerlukan analisis tanda, simbol, angka, gambar, naratif sebenar. perkataan dan bunyi yang memaknakan makna simbolik yang wujud. Contoh-contoh tersebut memberi peluang untuk menggunakan kemahiran analisis ini dan menerapkannya pada banyak kejadian serupa yang menyekat kita dalam kehidupan budaya seharian.

Perlu ditekankan bahawa tidak ada jawapan tunggal atau ‘betul’ untuk persoalan representasi. Hal ini adalah kerana tidak ada hukum atau akta yang dapat menjamin bahawa sesuatu akan mempunyai hanya ‘satu makna’ kerana makna akan berubah dari masa ke masa, dan bersifat interpretatif. Bukan hasil perbincangan antara siapa yang ‘benar’ dan siapa ‘salah’. Tetapi antara yang sama-sama masuk akal, walaupun kadang-kadang bersaing dan saling mencabar makna dan tafsiran. Cara terbaik untuk menyelesaikan bacaan yang diperdebatkan adalah dengan melihat kembali contoh konkrit dan cuba membenarkan pembacaan seseorang secara terperinci berkaitan dengan amalan sebenar dan bentuk penandaan yang digunakan, dan apa makna yang mereka hasilkan.

Representasi bermaksud menggunakan bahasa untuk mengatakan sesuatu yang bermakna tentang, atau untuk mewakili, dunia secara bermakna, kepada orang lain. Ia menghubungkan antara konsep dalam fikiran kita dengan menggunakan bahasa yang memungkinkan kita untuk memaknakan benda, orang atau kejadian yang nyata, dan dunia imajinasi dari objek, orang, benda dan kejadian yang tidak nyata. Representasi bermaksud menggunakan bahasa untuk mengatakan sesuatu yang penuh makna, atau menggambarkan dunia yang penuh makna kepada orang lain. Representasi adalah sistem pemaknaan melalui bagaimana kita mewakili dunia untuk diri kita sendiri dan orang lain (Hall.1997).

Terdapat dua proses dalam sistem representasi iaitu pertama, representasi mental ketika semua objek, orang dan kejadian dikorelasikan dengan beberapa konsep yang dibawa ke mana-mana di dalam otak kita kerana tanpa konsep, kita sama sekali tidak dapat memaknakan apapun di dunia ini. Dengan kata lain, dapat dikatakan bahawa makna bergantung pada semua sistem konsep yang terbentuk dalam fikiran kita sendiri, yang dapat kita gunakan untuk merepresentasikan dunia dan memungkinkan kita untuk dapat memaknakan benda, baik dalam fikiran atau di luar fikiran kita. Konsep yang ada di fikiran kita harus diterjemahkan dalam bahasa universal, sehingga kita dapat menghubungkan konsep dan idea kita dengan bahasa tulisan, bahasa tubuh, bahasa lisan, foto atau pun visual kepada orang lain. Proses representasi yang kedua ialah bahasa yang melibatkan semua proses dari konstruksi makna. Hall merumuskan bahawa proses pemaknaan akan terjadi dalam konteks tertentu dan dengan pemahaman tentang realiti yang dipengaruhi oleh kebudayaan masyarakat tertentu, sehingga kita akan memperoleh makna khusus dalam konteks yang diidentifikasi. Dalam proses pemaknaan akan terjadi melalui beberapa tanda visual serta bahasa yang telah disepakati secara konvensional, sehingga kita dapat memberi makna sesuatu sesuai dengan apa yang diwakilinya dalam budaya mereka.

Unsur penting yang membina representasi ialah ideologi. Namun seringkali suatu ideologi ditampilkan sebagai suatu kontradiksi dengan ideologi lain. Representasi melibatkan pelbagai karakteristik untuk memperkuat gagasan pada jenis atau kelompok yang digambarkan. Ketiga kategori ini diantaranya iaitu *archetypes*, *stereotypes* dan *types*. Ketiga tipologi ini ditandai dengan intensiti pengakuan masyarakat serta kekuatan pengaruh sejarah dalam suatu budaya yang dapat diserap masuk walaupun berbeza genre. Burton merumuskan bahawa representasi adalah pembentukan suatu makna berdasarkan suatu subjek representasi dari suatu individu kepada individu lain. Representasi adalah sesuatu tentang kita dan orang lain. Identiti memiliki banyak faktor, iaitu dari segi fizikal dan dari dalam diri manusia. Identiti dapat dilihat melalui 'pemaknaan' yang merujuk pada asumsi tentang keperibadian, emosi, keyakinan, sikap dan nilai-nilai (Burton, 2005).

Representasi dalam Filem: Logika, Idea, Psikologi dan Hubungan Sebab Akibat

Pemahaman penonton terhadap representasi dalam filem tidak dapat dikongsi oleh semua orang kerana ia melibatkan akal dan emosi. Dalam konteks ini tidak dapat dielakkan kita memahami tanda sebagai hubungan sewenang-wenangnya. Kesewenang-wenangan hanyalah perkara lain cara menyatakan bahawa tidak ada hubungan logika, tetapi hanya hubungan fakta hubungan konvensional, yang menentang penjelasan dan memahami. Ukuran logika representasi dalam filem tentang realiti sebenar kehidupan sangat berkaitan dengan semua kemungkinan tingkah laku yang mengaitkan watak (sensasi, idea, perasaan) dengan kenyataan kewujudan latar yang sebenarnya (pada saat dan tempat yang tepat, atau tidak). Walau bagaimanapun, terdapat implikasi lebih lanjut terhadap konsep representasi. Sejauh mana jangkauannya, dan apa artinya representasi tersebut? Inilah titik di mana epistemologi memberi jalan masuk pragmatik. Jika ia adalah tingkah laku, itu mesti 'untuk beberapa tujuan' yang berkaitan dengan logik hubungan sebab akibat dalam plot naratifnya (Johannes Ehrat, 2005).

Idea representasi dalam filem mempunyai banyak aspek *ground*, *correlate*, dan *correspondent*. Oleh itu, proses tanda mempunyai asas metafizik, keadaan psikologi subjektiviti, ungkapan logik dalam ramalan. 'ground', dalam representasi, akal melihat bahawa ada sesuatu. Susunan logika biasanya adalah yang pertama, tetapi yang terakhir mengikut urutan pengalaman Sebagai anggapan umum akal semestinya hanya perlu mengakui

bahawa ada sesuatu yang sama sekali; tanpa anggapan seperti itu, mustahil untuk memikirkan sesuatu. Oleh itu, perkara ini hanya berkaitan dengan dirinya sebagai makhluk. Peirce menyebutnya dalam karya-karya matang. '*correlate*', berkaitan dengan sifat manusia. Secara psikologi, hubungan ini boleh menjadi 'perhatian' mendalam yang harus diberikan oleh penonton. '*correspondent*', ialah hubungan dengan sifat 'sesuatu seperti ini' adalah berkaitan konsep penjenisan sesuatu objek atau subjek dalam naratifnya.

Dalam tahap ini, 'idea' yang berkaitan dengan nilai psikologi menyumbang proses berfikir terhadap pemahaman representasinya. Terdapat empat faktor dalam naratif filem yang mempengaruhi pemahaman psikologi yang sering berlaku dalam diri penonton. Pertama, adalah masalah yang disebabkan oleh cerita. Dari naratif filem itu sendiri, ketegangan semakin meningkat dan kemudian diselesaikan dengan peleraian. Kedua, adalah trauma tidak sedar akibat tekanan hidup, terutama kehidupan awal, juga begitu menyakitkan untuk dialami dan oleh itu mati rasa dan dikebumikan di bawah sedar. Ketiga, adalah dorongan tanpa sedar. Ketiga, adalah masalah yang disadari. Ini termasuk pengalaman menyakitkan yang masih menyakitkan dan memerlukan kelegaan. Sebilangannya lebih bersifat fizikal dan ada yang lebih bersifat psikologi. Keempat, adalah kejahatan sejagat. Ini adalah masalah-masalah yang dihadapi oleh agama. Mereka relatif tetap dan banyak dikongsi dalam kehidupan manusia. Pertama, kejahatan eksistensial, termasuk penderitaan dan kematian manusia secara umum. Kedua, kejahatan sejarah iaitu ketaksamaan, penderitaan dan penindasan yang berlaku boleh datang dari kelas mendominasi dan rejim politik yang menindas. Ini kejahatan tidak sepenuhnya universal (Wiley, 2003).

Tiga elemen asas dalam naratif filem adalah ruang (*spatiality*), masa (*temporality*) dan sebab akibat (*causality*). ini memberi kesan terhadap kefahaman penonton mengenai kesinambungan naratif filem. Terdapat empat prinsip penting yang menyebabkan kewujudan *causality* iaitu: (a) sebab harus mendahului akibat, maksudnya sesuatu akibat itu terjadi adalah kerana sebab yang berlaku terlebih dahulu; (b) sesuatu akibat tidak boleh terjadi melalui teknik imbas kembali atau *flashback* yang akan mendorong kepada sebab kejadian; (c) sesuatu perbuatan yang sama dan berulang-ulang kali dilakukan pada kejadian-kejadian dalam filem, menyebabkan *causality* menjadi lebih kukuh; (d) suatu kejadian lepas, yang mana *temporally* atau *spatially* lebih hampir kepada keputusan daripada yang lain, akan mendorong kepada *causality* keputusan (Branigan, 1992).

Identiti Diri dan Gaya Hidup Moden Remaja

Untuk mempresentasikan suatu makna dalam sebuah filem seharusnya mengetahui makna dari gaya hidup itu sendiri. Gaya hidup tidak hanya istilah menyeluruh yang meliputi cita rasa seseorang dalam fesyen, kenderaan, hiburan dan lain-lain. Pandangan terhadap gaya hidup juga harus sinonim dengan subkultur. Gaya hidup merujuk pada kerangka acuan yang dipakai seseorang dalam bertingkah laku. Dua aspek gaya hidup setiap individu hendaklah menggambarkan usaha membuat seluruh aspek hidupnya berhubungan dalam suatu pola tertentu, dan mengatur strategi bagaimana ia ingin dipersepsi oleh orang lain. Hal ini adalah kerana, hidup manusia dapat terlihat dari kebiasaan, pandangan, dan pola tingkah laku padakehidupan sehari-hari (Wilis, 2019).

Masa remaja, akan cenderung lebih menghabiskan sebagian besar waktu mengutamakan teman-teman sebayanya. Bagaimana jelas terlihat bahwa remaja akan bergerak dan bersosialisasi dengan teman-teman sebayanya dan perlahan-lahan mulai jauh dengan ibubapa mereka (Papilia, Old, & Feldman, 2008). Perhatian utama dari naratif filem remaja

memang kebanyakannya memaparkan situasi remaja sentiasa dalam proses menuju kematangan dan menganggap filem remaja tumbuh dari pada harapan, kesukaran, dan organisasi sosial remaja untuk tumbuh dewasa. Berkaitan dengan wacana identiti, filem-filem remaja juga cenderung memotret proses konstruksi konsep diri atau pencarian identiti diri oleh para remaja. Dalam hal ini, teks filem dapat menjadi indikator untuk melihat proses-proses tersebut. Konsep diri dapat dilihat secara lebih luas iaitu sebagai konsep yang dimiliki setiap individu tentang dirinya sendiri dan citra diri individu di mata orang lain. Konsep diri atau identiti diri, dalam hal ini, berhubungan dengan pertanyaan-pertanyaan tentang “siapa saya” dan bagaimana orang lain melihat ‘saya’ (Driscoll, 2011).

Konsep diri memiliki dua komponen utama iaitu konsep fizikal diri yang berkaitan dengan citra seseorang mengenai penampilan fizikalnya dan pentingnya penampilan fizikal itu untuk perilaku dan harga diri individu dan konsep psikologikal diri yang berkaitan dengan fikiran, perasaan atau emosi. Konsep psikologikal diri ini terdiri dari kualiti dan kemampuan yang dimiliki individu seperti sendiri, kepercayaan diri, pendirian yang teguh atau kebalikan dari sifat-sifat itu (Retnaningish, 1996).

Konsep diri atau identiti diri ini selalu mengalami perubahan dan bersifat dinamik. Identiti diri tidak pernah mencapai kesempurnaan tetapi selalu berada dalam proses. Identiti tidak pernah stabil dan statik, kerana identiti dibentuk atau diproduksi di dalam wacana (Hall, 1997).

Dalam masyarakat moden, gaya hidup membantu mendefinisikan mengenai sikap, nilai-nilai, kekayaan, serta posisi sosial seseorang. Dalam masyarakat moden istilah ini mengkonotasikan individualisme, ekspresi diri, serta kesedaran diri untuk bergaya. dan seterusnya dipandang sebagai indikator dari selera individualistik serta rasa gaya dari seseorang. Penampakan luar menjadi salah satu tapak yang penting bagi gaya hidup. Hal-hal permukaan akan menjadi lebih penting daripada substansi. Gaya dan desain menjadi lebih penting daripada fungsi. Semua yang kita miliki akan menjadi budaya tontonan (*a culture of spectacle*). Semua orang ingin menjadi penonton dan sekaligus ditonton. Ingin melihat tetapi sekaligus juga dilihat. Di sinilah gaya mulai menjadi alasan keberadaan manusia moden (Chaney, 1996).

Gaya hidup ialah bagaimana pola hidup seseorang individu tersebut di ekspresikan dalam aktiviti, opini, serta minatnya. Gaya hidup juga dapat diertikan sebagai keseluruhan yang ada dari diri seseorang tersebut dalam bagaimana individu berinteraksi dengan lingkungan. Gaya hidup sendiri menggambarkan keseluruhan dari pola hidup seseorang dalam berinteraksi dan beraksi di masyarakat. Secara umum hal tersebut berkaitan erat dengan bagaimana seseorang tersebut menghabiskan waktu, apa yang terfikirkan tentang diri sendiri atau pun persekitarannya dan apa yang dianggap seseorang itu penting pada lingkungannya (Kotler, 1997).

Waktu remaja adalah suatu masa transisi antara masa pada saat kanak-kanak menuju masa dewasa. Pada masa transisi ini, remaja mengalami berbagai perubahan, iaitu antaranya perubahan fizikal, kognitif, serta sosial-emosional (Santrock, 2007). Pergaulan remaja terhadap peningkatan gaya hidup melibatkan dua aspek iaitu, individu berusaha membuat seluruh aspek hidupnya berhubungan dalam suatu pola tertentu, dan mengatur strategi bagaimana ia ingin dipersepsi oleh orang lain. Dalam masa yang sama, remaja mempunyai sikap ingin bebas melakukan apa yang mereka suka dan sentiasa ingin mengikuti perkembangan zaman moden dan seiring dengan arus globalisasi. Namun, situasi ini telah mengakibatkan para remaja lupa, lalai dan semakin hilang jati diri mereka akibat mengikut *trend* gaya hidup di negara lain.


Dalam waktu singkat banyak bermunculan fenomena gaya hidup baru akibat salah faham (Wilis, 2019).

Gaya hidup moden dan global disini tidak hanya diwakilkan oleh negara Amerika yang sudah terkenal sebagai budaya dominan yang mencerminkan simbolisasi kemodenan. Kini muncul pengaruh dari negara-negara Asia, seperti Jepun, Taiwan dan Korea yang dilegitimasi membawa gaya hidup popular. Namun budaya kehidupan moden Amerika sering menjadi acuan atau dasar untuk berpijak bagi konstruksi media adalah disebabkan Amerika memiliki peradaban budaya massa yang paling maju dan terdahulu dari negara-negara lain.

Konsep gaya hidup moden juga dianggap sudah bersinonim dalam kehidupan remaja bandar dengan gaya hidup mewah misalnya dengan aktiviti 'shopping' atau berbelanja di pasaraya dan mall, membeli produk-produk berjenama, menjamu selera dan melepak santai di restoran mewah menu barat dan luar negara lain, sambil berkumpul bersama teman di pusat-pusat hiburan, rekreasi dan riadah dan sebagainya. Sebahagian besar gaya hidup tersebut diwujudkan oleh remaja kelas menengah dan kelas tinggi, tapi menjadi ikutan remaja kelas marhein. Namun, tanpa disedari akibat terlalu taksab dengan gaya hidup moden yang kabur, semakin ramai yang terjerat dengan ideologi kapitalis dan terus hanyut dengan gaya hidup bebas yang akhirnya menjerumuskan mereka kepada keruntuhan moral atau akhlak,

Secara umumnya, terdapat lima jenis gaya hidup moden iaitu gaya hidup berdikari, gaya hidup sihat, gaya hidup hedonik, gaya hidup berjimat dan gaya hidup bebas (Wilis, 2019).

Rajah 1: Jenis Gaya Hidup Moden (Wilis,2019)



Gaya hidup hedonik merupakan suatu pola hidup dengan aktiviti untuk mencari keseronokan hidup, lebih menghabiskan waktu di luar rumah, lebih banyak bermain, sukakan keramaian dan kemeriahan kota, serta selalu ingin menjadi pusat perhatian ramai. Gaya hidup bebas yang sudah melampaui batas moral kerana terlalu hanyut dibawa arus globalisasi dengan perkembangan zaman teknologi yang serba canggih.

Dari kacamata Islam, gaya hidup hendaklah disesuaikan dengan landasan Al-Quran. Pertama adalah bersifat sifat Muamalah, iaitu diantaranya dalam kegiatan ekonomi yang tidak mengarah kepada pembaziran. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Araf Ayat 31: yang bermaksud "Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di Setiap (memasuki) masjid, Makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan.

Sifat kedua ialah Tahsiniyah iaitu keperluan yang dapat menciptakan kebaikan dan kesejahteraan dalam kehidupan manusia. Ia merupakan keperluan utama dan sekunder (Ahsan, 2018).

Dalam memenuhi keperluan hidup harus ada pengawalan diri iaitu kemampuan seseorang untuk menahan diri dari pola perilaku yang cenderung negatif atau perilaku yang

sangat tidak diinginkan sehingga muncul menjadi perilaku yang positif atau perilaku yang diinginkan (Tangney et al., 2004). Proses kehidupan individu adalah kerana adanya hubungan timbal balik antara individu dengan persekitarannya. Setiap individu dituntut untuk dapat menyesuaikan diri dan mengawal diri dengan persekitarannya. Individu yang memiliki pengawalan diri yang baik tentunya akan lebih mudah untuk beradaptasi dengan persekitaran sosialnya. Sejauh mana individu dapat mengawal dirinya, dan bagaimana meletakkan dirinya dengan baik dengan benar atau tidak. Sebaliknya jika pengawalan diri yang negatif akan cenderung menghalang dalam penyesuaian individu pada kehidupan sosialnya akan menyebabkan adanya perasaan penolakan terhadap diri sendiri. Pada masa penyesuaian tersebut seorang remaja berada pada masa pencarian jati diri, iaitu hal tersebut menjadikan remaja bebas untuk bergaul dan mencari maklumat seluas-luasnya (Lilla & Rudi, 2017).

METODOLOGI

Dalam kajian ini, penulis menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik analisis kandungan elemen naratif yang dibahas secara paparan deskriptif berdasarkan dan temu bual mendalam dengan pengarah Ahmad Idham terhadap gaya hidup moden remaja Melayu Islam melalui watak-watak remaja dalam filem *Syurga Cinta (SC)*, dan *Aku Masih Dara (AMD)*. Analisis kritis akan membahas logika dan hubungan sebab akibat tentang watak-watak tersebut sehingga wujudnya gaya hidup moden mereka dalam naratif filem SC dan AMD.

DAPATAN DAN ANALISIS

Elemen Naratif Filem SC dan AMD

Tema dalam filem SC adalah cabaran remaja Melayu yang cetek tentang agama cuba memikat hati seorang gadis yang berkeperibadian Muslimah. Filem ini pada keseluruhannya mengisahkan tentang gaya hidup moden, bebas dan cetek agama seorang pemuda bernama Irham, anak kepada tokoh korporat yang pulang ke Malaysia setelah belajar dan bekerja di luar negara. Akibat dicabar oleh teman-temannya Alex dan Zainal untuk memikat seorang gadis Melayu bernama Syuhadah, berkeperibadian Muslimah dalam tempoh sebulan dengan tawaran habuan sebanyak RM5,000, akhirnya jatuh cinta dan merubah hidupnya. Juga diselitkan hubungan pemuda itu yang pada awalnya renggang dengan adik lelakinya Ikmal, yang baru bersekolah rendah, akhirnya menjadi rapat kerana membantunya memikat gadis yang kebetulan adalah guru sementara di sekolahnya.

Filem AMD pula bertemakan keruntuhan akhlak remaja di bandar besar memaparkan kisah kesucian diri remaja Melayu Islam yang ternoda akibat pergaulan bebas melalui dua watak Hani dan Aleesya teman baik watak utama Sofea. Sebagai suntikan mesej moraliti dalam agama Islam disampaikan melalui watak remaja lelaki bernama Firdaus, yang akhirnya berjaya memberi impak positif pada watak Sofea. Watak Sofea, Aleesya dan Hani mempunyai latarbelakang keluarga yang berbeza. Masing-masing juga mempunyai pandangan berbeza tentang Islam, berdasarkan cara mereka dibesarkan oleh ibubapa masing-masing. Sofea pula dibesarkan secara mewah kebarat-baratan namun tanpa didikan agama Islam. Sofea tidak tahu solat dan tak tahu mengaji, dan jiwanya tidak tenang walaupun mempunyai segala-galanya. Namun, masih dapat mempertahankan status keperawanannya. Aleesya mempunyai didikan agama yang asas, boleh mengaji dan tahu sembahyang, namun membesar dalam persekitaran

yang serba moden dan sosial sehingga menyebabkan beliau mengabaikan dan lalai pada tuntutan agama hingga akhirnya hilang keperawanannya. Hani membesar dalam keluarga yang susah dan sentiasa menyalahkan ibubapanya dan malu dengan keadaan keluarganya mengakibatkannya menjadi pengedar dadah secara kecil-kecilan dan hidup gaya bebas serta telah lama tidak perawan.

Latar Paparan Gaya Hidup Moden Remaja Melayu Islam

Secara keseluruhan dalam filem SC, penulis telah mengesan penggunaan beberapa latar tempat dan waktu yang berkaitan dengan gaya hidup moden remaja Melayu Islam moden (sila rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Paparan Latar Gaya Hidup Remaja Melayu Moden SC

			
SCENE 2 -TC:02:00	SCENE 25-TC:33:41	SCENE 4-TC:04:37	SCENE 7 -TC:11:33

Gaya hidup yang dipaparkan iaitu gaya hidup bebas di kelab malam di waktu malam dalam *Scene 2* dan *25*. Juga dalam *Scene 4* dipaparkan gaya hidup seks bebas Irham yang membawa gadis yang baru dikenal ke rumah. Juga gaya hidup hedonik *Scene 7* yang memaparkan aktiviti melepak sambil minum dan menjamu selera di kafe.

Dalam filem *AMD*, terdapat beberapa latar yang digunakan untuk memaparkan gaya hidup moden remaja Melayu Islam (sila rujuk *Jadual 3*).

Jadual 3: Latar Paparan Gaya Hidup Remaja Melayu Islam dalam AMD

			
SCENE 6-TC:04:05	SCENE 14 -TC:11:45	SCENE 15 -TC:14:31	SCENE 43-TC:51:58

Paparan latar lokasi kelab malam pada *Scene 6* memaparkan gaya hidup moden remaja Melayu moden di bandar yang hanyut dengan gaya hidup hedonik dan bebas berhibur di kelab malam, pergaulan bebas, mabuk dan ketagihan dadah di waktu malam. Latar lokasi di luar kafe dalam *Scene 14* menggambarkan gaya hidup remaja di bandar, sambil minum berbincang-bincang dan cuba mencari teman lelaki. Dalam *Scene 15* di Mall menggambarkan ketiga-tiga sahabat dengan gaya hidup mewahnya berbelanja. Sofea sebagai anak orang kaya tolong membayarkan pembelian sahabat-sahabatnya. Lokasi di rumah Zack di *Scene 43*, pula memaparkan aktiviti remaja, anak-anak golongan mewah dengan pergaulan bebas, minum sampai mabuk, pengambilan dadah dan pesta seks.

Dapat dirumuskan melalui penggunaan elemen latar-latar dalam SC dan AMD ini, telah merepresentasikan gaya hidup moden remaja Melayu moden bandar yang telah rosak akhlaknya.

Paparan Gaya Hidup Remaja Melayu Moden berdasarkan Dialog Watak

Berikut dalam *Jadual 4* adalah beberapa teknik penceritaan yang mengandungi dialog dan monolog dalam SC yang menggambarkan persoalan tentang gaya hidup remaja perempuan di bandar:

Jadual 4: Petikan Dialog tentang Gaya Hidup Remaja Melayu Islam Moden dalam SC

<p>SCENE 2/INT/KELAB MALAM/MALAM.TC:02:00-</p> <p>IRHAM Aku hari-hari exercise. Everyday tu..</p> <p>(sambil menggerak-gerakkan pinggang dan pinggulnya)</p> <p>ALEX Bro..nasib you memang baik..malam ni malam Jumaat</p> <p>IRHAM Apasal?</p> <p>ALEX Aweks banyak giler tu Bro.. </p> <p>IRHAM Kat UK everyday is Friday night.</p> <p>ZAINAL Wowww..Ok.Ok..Jom minum..minum</p>	<p>SCENE 23.INT/RUMAH SYUHADAH/SIANG.TC:31:46-32:06</p> <p>IRHAM Apa yang abang takut ni?</p> <p>IRHAM Tak takut Mal cakap?Mal pernah tengok abang sembahyang tak?</p> <p>IRHAM Tak pernah..(menggelengkan kepala)</p> <p>IRHAM Tahu pun tak pernah!kalau sembahyang pun abang tak pernah.Macamana abang nak wudhuk tu?</p> <p>IRHAM Ya Allah ya Tuhanku..takkanlah abang tak tahu langsung?</p> <p>IRHAM Tak tahu!</p>
---	---

Petikan dialog dalam petikan *Scene 2* menggambarkan gaya hidup moden Irham, Alex dan Zainal yang telah hanyut dan rosak jiwa serta pemikirannya dengan cara kehidupan sosial masyarakat bandar yang bebas,berpesta di kelab malam seperti orang barat. Gambaran dalam adegan ini juga menggambarkan minda remaja Melayu Islam yang begitu mengagungkan dan bangga dengan kehidupan barat yang tiada batas dalam berseronok. Juga tergambarinya cetek dan jahilnya pengetahuan dan fahaman remaja Melayu tentang makna kebesaran hari dan malam Jumaat sebagai ‘penghulu segala hari’. Malah, malam Jumaat digambarkan sebagai malam penuh keseronokan untuk bersama gadis-gadis di kelab malam.

Petikan dialog dalam *Scene 23* menggambarkan Irham sebagai remaja Melayu moden yang langsung tidak tahu dan tidak pernah solat. Suatu sindiran kepada imej remaja Melayu Islam di bandar yang hanya Islam pada kad pengenalan. Solat bukan lagi dianggap sebagai kewajipan manusia kepada Allah, malah adalah demi tujuan untuk memperlihatkan kebaikan dan kewarakan di depan manusia. Hal inilah terlihat pada keperibadian Irham, yang terpaksa berlajar dan mengerjakan solat kerana bertujuan untuk menunjukkan pada Syuhadah dan datuknya tentang kewaragannya dan membuktikan ia telah memiliki ciri-ciri sebagai ‘bakal imam’ dalam hidup Syuhadah.

Berikut dalam *Jadual 5* adalah petikan dialog dalam *AMD* yang menggambarkan tentang gaya hidup remaja perempuan di bandar:

Jadual 5: Petikan Dialog tentang Gaya Hidup Remaja Melayu Islam Moden dalam AMD

<p>SCENE 33.EXT.RUMAH SOFEA/SIANG.TC:37:19-38:20</p> <p>ALEESYA Hello Sofea..Awak memang dilahirkan sebagai orang Islam.Pergilah cek IC.Saya rasa awak sengaja nak mengorat orang waraq ni kan,sebab awak nak rasa pakej dia macamane.</p> <p>HANI Leesya..entah-entah Sofi ni dah dapat pun full package.Hai Sofi,sekarang ni kalau tak boleh lepaskan dia sebab kau dah ketagihkan?nak ustaz Firdaus tu sujud depan kau tiap-tiap malam kan?</p> <p>SOFEA Aleesya,Hani..I just nak berubah.</p> <p>I tak nak lagi hidup macam my parent lagi dah.Hidup macam ni bergelumang dengan dosa.Ya, I memang Islam, tapi hanya dalam IC.Diri I sendiri kosong tentang Islam </p>	<p>SCENE 34.INT.RUMAH SOFEA/SIANG.TC:38:39:46</p> <p>SOFEA But at least,you <u>gais</u> tau solat sejak kecil,but its not me.Tapi I pelik jugaklah you <u>gais</u> masih juga teresat jalan.Gais maybe now the time we must change,kita mesti berubah.</p> <p>ALEESYA Ustazah Sofea..tak perlulah nak bagi ceramah pada saya,sebab saya tak akan terima.Lagi-lagi orang yang mengamalkan ajaran Kristian dan keluar masuk gereja.</p> <p>SOFEA Aleesya!</p> <p>ALEESYA Sofea,saya kenal sangat awak tau,saya tau gaya hidup awak macamane!Kalau awak nak sangat abang Firdaus tu..go ahead.Tapi jangan guna alasan Islam!Saya meluat!Meluat sangat tau!</p> <p>HANI Selama hidup aku,aku hidup aku susah tau.Mak aku smbahyang,bapak aku smbahyang!Berdoa siang malam.Tapi ada kau nampak hidup aku berubah? </p>
<p>SCENE 39.INT.KELAB MALAM/MALAM.TC:46:45-47:23</p> <p>HANI Tapi kan..kalau ajaran Ustaz Firdaus tu menghalalkan ..aku pun nak join..best apa dapat tukar-tukar pasangan..dapat group sex..</p> <p>ALEESYA Stop it!Stop it!Kita datang nak enjoylah!</p> <p>HANI Aku tau bagaimana nak hilangkan kau punya stress.Aku ada ubat segala penyakit.Syurga kau boleh rasa,neraka punkau boleh pergi. Come on.. </p>	<p>SCENE 44.INT.RUMAH ZACK.SIANG.TC:55:15-55:28</p> <p>HANI <u>Leesya,laki-laki zaman sekarang ni dah tak kisah kau dara ker tak.Kau layan jer dia orang dua tiga round atas katil.lepas tu gerenti dia orang akan ambik kau jadi dia orang punya wife.Anyway...kau bagitau aku..kat KL ni mane perempuan still virgin?</u></p>

Petikan *Scene 33* dan *Scene 34* memaparkan dialog perdebatan untuk mengubah gaya hidup moden remaja perempuan di bandar yang terjadi antara Sofea dengan Aleesya dan Hani, apabila Sofea cuba mengajaknya kembali ke pangkal jalan menurut ajaran Islam. Aleesya digambarkan mempunyai pandangan yang sangat sentimen terhadap Islam kerana menganggap agama Islam banyak menyekat gaya hidup moden dan bebas. Hani pula digambarkan mempunyai pandangan bahawa agama Islam tidak menjadikan penganutnya boleh jadi bahagia dan hidup mewah walaupun telah menjalankan ibadah dan hanya berdoa. Dengan kata lain, Hani mencerminkan persepsi bahawa agama Islam adalah agama yang menyusahkan penganutnya dan anti gaya hidup hedonik.

Petikan dialog *Scene 39* melalui dialog Hani, mendedahkan prinsip gaya hidup bebas atau seks bebas dalam diri remaja perempuan di bandar tentang keseronokan bertukar-tukar pasangan dan 'group sex'. Juga menggambarkan gaya hidup remaja perempuan yang menjadikan pil khayal sebagai penyelesaian masalah mereka. Petikan dialog *Scene 44* pula

memaparkan tentang isu hilang keperawanan yang dianggap sesuatu yang lumrah dan tidak perlu disesalkan oleh remaja-remaja perempuan Melayu zaman sekarang yang mengamalkan gaya hidup moden bebas di bandar-bandar besar. Status keperawanan dianggap sudah tidak penting lagi dalam kebahagiaan rumah tangga. Juga memperlihatkan bahawa seks sebelum nikah adalah suatu gaya hidup moden yang perlu dinikmati oleh remaja.

Interpretasi Pengarah Di Sebalik Representasi dalam Filem SC dan AMD

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, kajian ini juga telah menggunakan teknik temu bual mendalam bersama pengarahnya Ahmad Idham (AI). Temu bual telah diadakan pada 21 Julai 2020 bertempat di FINAS, Petaling Jaya, Selangor.

Ketika ditanyakan tentang alasan beliau tentang pemilihan isu-isu remaja dalam filem-filem arahnya, beliau menjelaskan :

(19:32) “*Real issue* saya bawa ke dalam filem, tapi saya garapkan bukan adaptasikan suatu itu, tapi *inspired*. Most filem saya sebenarnya adalah tentang apa yang sudah berlaku dan kebanyakannya adalah isu remaja. “Aku Masih Dara” misalnya, ada isu tengah berlaku..saya *pick up*.”

Berdasarkan alasan tersebut, jelas bahawa beliau telah menggunakan pendekatan mimetik dalam merepresentasikan subjek representasi, kerana ia adalah paparan realiti dan senario remaja perempuan di bandar yang terjadi pada waktu itu. Hal ini dapat dibuktikan dalam filem AMD apabila filem ini diawali plot eksposisinya dengan visual keratan-keratan akhbar yang menunjukkan kes-kes isu remaja perempuan yang menjadi tajuk akhbar.

Apabila ditanyakan tentang alasan dan tujuan sebenar beliau memproduksi SC dan AMD, beliau menjelaskan:

(24:01) “Syurga Cinta”, dia sebenarnya isu remaja yang saya baca dari *paper*. Islam hanya dalam IC, tapi kehidupan tak langsung sebagai orang Islam... Dalam filem ni ditunjukkan setelah kenal dengan seorang gadis Islam baru watak remaja lelaki tu belajar Islam..terjadi juga perdebatan masyarakat tentang filem ini .Tapi, kami dapat info dari JAKIM kerana banyak kes orang nak keluar Islam sebab tu kami buat filem ni nak tunjuk Islam itu indah. *So* saya cuba buat filem ala dakwah dalam dialog-dialog.

(24:01) Begitu juga dengan “Aku Masih Dara”, ramai yang tak tahu tentang hidup anak remaja yang pergi disko. Bagi saya, filem sebenarnya hadir setelah isu remaja ada, agenda alkohol, parti-parti dah lama.

(29:56) Hmm, ya..saya sebenarnya nak ‘bongkar’ isu-isu remaja yang masyarakat tidak jelas.

(46:18) “Setakat ni rasanya saya peka dan ambil serius. Selalu mencari isu remaja yang terkini. Bila ada masalah ada isu, kita harap bila bongkar isu itu dalam filem adalah untuk *future* mereka.”

Petikan temu bual di atas memperlihatkan bahawa Ahmad Idham mempunyai alasan dan rasional sendiri melalui paparan tentang keruntuhan akhlak atau ‘kebobrokan’ remaja perempuan di bandar. Beliau menjelaskan bahawa paparan tersebut kerana bertujuan untuk

‘membongkar’ aktiviti-aktiviti remaja yang mungkin tidak diketahui oleh masyarakat umumnya dan ibubapa khususnya. Dengan kata lain paparan sisi negatif kehidupan remaja perempuan yang dipaparkan adalah ‘bersebab’ dan ada mesej moralitinya pada akhir filem SC dan AMD.

Analisis Logika dan Hubungan Sebab Akibat Representasi

Berdasarkan logika representasi dalam filem, didapati pada keseluruhan filem SC dan AMD ada mempunyai berkaitan tentang realiti sebenar kehidupan dengan semua kemungkinan tingkah laku yang mengaitkan watak dengan kenyataan kewujudan latar yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, apabila dianalisis secara kritis terdapat beberapa persoalan logika yang lemah tentang paparan watak dan perwatakan remaja Melayu Islam dan juga urutan plot dalam filem SC dan AMD.

Menurut penulis, dalam filem SC, logika perwatakan watak Irham digambarkan agak ‘klise’ sebagai seorang remaja anak orang kaya, belajar di luar negeri berkenderaan mewah, kurang pengetahuan agama Islam sehingga bergaya hidup moden secara hedonik dan bebas melanggar batas ‘halal haram’ dalam agama Islam. Logikanya masih bersifat streataip dan mudah diterima.

Seterusnya, kelemahan nilai logika sangat ketara terlihat terhadap proses konsep diri atau pencarian identiti diri dalam diri watak Irham. Pada *Scene 43* dipaparkan Irham menghadapi konflik dan ketegangan, serba salah samada ingin menjelaskan hal sebenar tentang ‘sandiwara hijrah diri’ mempermainkan Syuhadah selama hampir sebulan. Namun, dalam *Scene 44* menunjukkan ‘cacat’ logikanya, apabila konflik watak Irham dileraikan oleh Irham sendiri, dengan penjelasan yang diiringi ketawa besar mempersendakan Syuhadah di depan teman-temannya setelah kerana demi menyahut cabaran mereka untuk memikat Syuhadah dalam masa sebulan dan mendapat RM5,000 sebagai hadiahnya. Kecelaruan paparan identiti watak Irham semakin terlihat pada *Scene 45* apabila ketika di kelab malam sebelum minum minuman keras, Irham membaca ‘*Bismillah*’ dan tiba-tiba berasa bersalah pada Syuhadah.

Jadual 6: Kelemahan Logika Perwatakan dan Proses Hubungan Sebab Akibat dalam SC



Kata ‘*Bismillah*’ yang terucap dari bibir Irham memperlihatkan usaha AI menyelitkan proses psikologi atas dorongan tanpa sedar dalam watak Irham menjadi diri sendiri yang lebih baik dan mengubah gaya hidup modennya yang tersasar. Sandiwara hijrahnya selama sebulan bersama Syuhadah telah memberikan impak terhadap jiwa dan cara berfikir yang lebih matang. Tindakannya keluar dari kelab malam meninggalkan teman-temannya yang lain adalah bukti dia sudah mula berfikir tentang masa depan dirinya dan makna cinta sejati sebenar yang ada dalam keperibadian muslimah Syuhadah.

Namun begitu hubungan sebab akibat perubahan gaya hidup Irham apabila dikaitkan dengan pendapat Branigan (1992) tentang prinsip kewujudan hubungan sebab akibat dalam

naratif, kesinambungan antara *Scene 43*, dengan *Scene 44* tadi sangat mencelaruhan. Menurut penulis *Scene 45* adalah suatu ‘peleraian tertunda’ terhadap konflik Irham dalam *Scene 43* yang dilakukan oleh AI sebagai retorik untuk ‘menggembirakan kembali’ penonton pada kisah cinta antara Irham dengan Syuhadah.

Tidak dinafikan watak Syuhadah dalam SC adalah pengaruh atau sebab utama perubahan gaya hidup moden Irham. Namun teknik penyelesaian cerita ini masih klise untuk mengungkapkan makna ‘syurga cinta’ yang seharusnya diperkemas lagi untuk membuktikan ‘pengesahan keinsafan’ watak Irham terhadap imej keislaman yang ada dalam diri Syuhadah. Adegan dalam *Scene 66* (TC:01:20:04), Irham bermain piano di dalam dewan sekolah yang gelap hanya berdua-duaan dengan Syuhadah untuk meluahkan keinsafan dan impian Irham, untuk mengahwini Syuhadah.

Secara keseluruhan paparan perubahan gaya hidup Irham tidak memperlihatkan konflik dan cabaran yang serta unsur psikologi yang mencabar minda penonton. Jika dalam temu bual mendalam AI menyatakan SC adalah suatu bentuk representasi kehidupan remaja Melayu Islam bertujuan untuk ‘membongkar’ identiti Islam hanya di atas IC, namun menurut penulis isu tersebut masih tidak disajikan dengan kemas. Teknik penyelesaian konflik dalam watak Irham yang mempersendakan pembelajaran agama Islam yang diperolehinya dari Syuhadah, tidak cukup kuat membuktikan proses transisi kepada gaya hidup Islam dalam dirinya.

Dalam AMD, melalui watak Sofea, proses perubahan gaya hidup moden remaja Melayu Islam digambarkan pada awal naratifnya melalui sikap ambiguitinya (suatu situasi kesamaran atau ketidaktentuan yang memungkinkan dua tafsiran dibuat terhadap sesuatu yang terjadi dalam fikiran dan jiwa seseorang). Persoalan ambiguiti tersebut adalah tentang makna sebenar ‘penganut agama Islam’ yang menjadi tanya dalam diri Sofea, apabila melihat situasi bapanya yang berasal dari orang barat masuk Islam dan berkahwin dengan ibunya yang beragama Islam, hidup cara barat dan tidak menjalankan perintah agama Islam. Ibubapanya nampak bahagia, tetapi jiwa Sofea rasa kosong. Namun begitu, ambiguiti Sofea tidak menimbulkan kontradiksi dalam dirinya untuk meneruskan hubungannya dengan Firdaus mempelajari agama Islam.

Dalam watak Sofea juga tergambar logika kehidupan remaja yang sering berhadapan dengan krisis identiti remaja, bersikap *ambivalent* dalam menghadapi perubahan yang terjadi dalam hidupnya. Di satu sisi mereka menginginkan kebebasan, tetapi disisi lain mereka juga terasa tidak selesa dan kabur serta risau dan takut terhadap kesan dan impak dengan gaya hidup hedonik dan bebas. Perubahan perwatakan Sofea gaya hidup setelah rapat dan belajar agama dari watak Firdaus hampir mendekati prinsip gaya hidup Muamalah dan Tahsiniyah sebagaimana yang dianjurkan dalam agama Islam.

Konflik ke arah perubahan gaya hidup Sofea adalah cabaran dengan sahabat-sahabat baiknya dan diselesaikan dengan suatu tragedi di rumah Firdaus, apabila Firdaus tercedera kerana tertikam oleh Zack.

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian terhadap SC dan AMD, sebahagian besar paparan naratifnya dapat diterima sebagai suatu bentuk representasi realiti gaya hidup moden remaja Melayu Islam di bandar negara Malaysia. Sehingga kini, gaya hidup moden remaja masih lagi terpapar dalam media massa, malah dalam bentuk yang semakin merisaukan masyarakat dengan adanya perkembangan internet dan media sosial yang mudah dilayari oleh seluruh masyarakat.

Meskipun representasi gaya hidup moden remaja Melayu Islam remaja dalam filem SC dan AMD lebih banyak memaparkan sisi negatif atau 'kebobrokan' remaja Melayu Islam, namun gaya hidup moden remaja Melayu Islam ditonjolkan keunggulannya melalui watak Syuhadah dalam SC, Sofea dan Firdaus dalam AMD. Ia terserlah melalui cara pemakaian, pemikiran, tutur bicara, tindakannya serta amalan beribadahnya. Juga pada akhir filem-filem ini diberikan suntikan mesej moraliti tentang kehebatan, keindahan dan kemuliaan agama Islam ke arah kebahagiaan dalam kehidupan manusia yang sebenar.

Salah satu unsur penting yang membina representasi ialah subjek representasi dan ideologinya. Dengan kata lain, selain sebagai representasi dari realiti, filem juga mengandungi intipati ideologi oleh pembikinnya sehingga sering berfungsi sebagai media komunikasi yang menyampaikan didaktik normatif dan alat propaganda, juga merupakan suatu media untuk menyampaikan ide, teori, dan sistem berfikir manusia seterusnya menyampaikan kritik terhadap realiti kehidupan

Dalam hal ini, Ahmad Idham sebagai pengarah telah memperlihatkan usaha menampilkan ideologinya tentang pentingnya remaja memiliki pengetahuan, amalan dan akidah Islam dalam remaja Melayu Islam untuk membezakan gaya hidup moden yang tepat dan bermanfaat kepada kehidupan sosial mereka.

Dalam SC melalui watak Syuhadah dan Irham, serta dalam AMD melalui watak Sofea dan Firdaus, elemen cinta dalam filem tersebut telah berjaya memberi suntikan agama sebagai indikator menilai gaya hidup dalam kehidupan remaja perempuan Melayu di bandar.

Filem SC dan AMD ini walaupun ringan temanya, sederhana dan mudah difahami naratifnya, namun tetap bermanfaat untuk dijadikan salah satu referensi bagi remaja Malaysia untuk dijadikan informasi dan renungan dalam diri mereka. Sebagaimana pendapat Horace bahawa karya seni, dan filem sebagai suatu karya seni, seharusnya '*duice et utile*' iaitu indah dan berguna.

KESIMPULAN

Filem SC dan AMD dapat dikategorikan sebagai filem genre remaja berdasarkan tema naratifnya. Namun, kedua-dua filem ini hanya bersifat deskripsi persoalan remaja dan masih 'streotaip' dari segi materi naratifnya dan kurang suntikan tentang psikologi remajanya. Kaedah naratifnya juga kurang kreatif dari segi teknik plotnya tanpa '*twist*' dan penyelesaian yang 'menyengat' dan 'menggugah' minda penonton. Kedua-dua filem ini kelihatan masih belum mampu untuk 'mencerdikkan' penonton kerana isu yang dipaparkan belum bersifat futuristik kerana watak dan perwatakan yang ditonjolkan belum ada ciri-ciri untuk dijadikan 'ikon' atau 'idola' yang baru kepada remaja.

Filem genre remaja seharusnya mampu memotivasikan pengalaman remaja, menyuntik pemikiran kritis remaja yang sering bersikap menolak aturan kehidupan bersosial, mengikis sikap anomie (tanpa tujuan) dalam hidupnya, serta membendung emosi dan keinginan mengikuti gaya hidup moden yang 'bobrok'.

Penerbit dan pengarah perlu memahami dan memilih fakta yang tepat dan menarik untuk direpresentasikan dalam filem seterusnya mempunyai rasional terhadap perkembangan psikososial remaja dan diadaptasikan menjadi sesuatu yang lebih dekat dengan generasi baru perlu difahami dan difikirkan oleh pengarah. Dengan kata lain, representasi terhadap isu remaja dan keprihatinan kepada remaja perlu diperkemas dengan garapan dan teknik penceritaan yang lebih kreatif dan kritis oleh pengarah, agar menjadi subjek representasi dengan tepat.

Penerbitan filem bertemakan remaja perlu diteruskan dan ditingkatkan, kerana ia adalah aset ekonomi dalam industri perfileman dan ekonomi negara. Namun, sebagai cadangan, FINAS perlu memikirkan satu usaha dan kaedah untuk melibatkan para penonton untuk memberi maklum balas setelah menonton filem di pawagam. Kemudian disediakan satu insentif terhadap komen penonton yang dianggap bernas dan bermanfaat untuk menyemarakkan industri. Sudah tiba masanya, persepsi penonton diapresiasi selayaknya, dan motivasi ke arah pembentukan penonton pemikir dimanifestasikan. Hal ini boleh ‘menjernihkan polemik’ yang terus terjadi antara karyawan filem dengan pengkritik filem dan pendidik filem. Sudah tiba masanya antara teori dan praktikal dapat bertemu di suatu titik yang menguntungkan imej dan futuristik perfileman tempatan.

RUJUKAN

- Ahsan Lodeng. 2018. *Pengaruh Gaya Hidup Hedonis Terhadap Perilaku Konsumtif Menurut Ekonomi Islam*. Fakultas Ekonomi Dan Bisnis Islam Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Allan Casebier.(1991). *Film and Phenomenology Toward A Realist Theory Of Cinematic Representation*. School of Cinema /Television University of Southern California. Cambridge University Press.
- Ardilla Saputri & Risana Rachmatan. 2016. *Religiusitas Dengan Gaya Hidup Hedonisme : Sebuah Gambaran Pada Mahasiswa Universitas Syiah Kuala*. Jurnal Psikologi, Volume 12 Nomor 2, Desember 2016.
- Branigan, E. (1992). *Narrative Comprehension and Film*. London: The British Film Institute and Phil Rosen.
- Burton, G. (2010). *Media and Society: Critical perspectives*. UK: McGraw-Hill Education.
- Chaney, D. (1996). *Life Style(Terjemahan), Sebuah Pengantar Komprehensif*. Yogyakarta: Jalasutra.
- Casey, B., & Caudle, K. (2013). *The Teenage Brain: Self Control*. Assosiation of Psychology Center, 22(2): 82-87.
- Catherine Driscoll.(2011). *Teen Film A Critical Introduction*. Berg Oxford : New York, NY 10010, USA.
- Dwi Dicky Febry Rahardjo.2016. *Representasi Budaya Populer dalam Film “Slank Nggak Ada Matinya” Karya Fajar Bustomi*. eJournal Ilmu Komunikasi. Volume 4, No.3.2016.
- Ganjar Wibowo.2019. *Representasi Perempuan dalam Film Siti*.Nyimak Journal of Communication Vol. 3, No. 1, Mac 2019, pp. 47–59 P-ISSN 2580-3808, E-ISSN 2580-3832.
- Irinne Salsabila Ramadhani.2020. *Representasi Remaja Perempuan Pelaku Seks Pranikah Pada Film Drama Remaja (Analisis Semiotika Tokoh “Dara” Pada Film Dua Garis Biru)*. Program Studi Komunikasi Fakultas Komunikasi Dan Diplomasi Universitas Pertamina.
- Johannes Ehrat (2005). *Cinema and Semiotic: Peirce And Film Aesthetics, Narration, And Representation*. University of Toronto Press Toronto Buffalo London © University Of Toronto Press Incorporated.
- Lilla Anggraini & Rudi Cahyono.2017. *Hubungan Antara Kontrol Diri Dengan Gaya Hidup Hedonis Pada Remaja di Surabaya*. Jurnal Psikologi Pendidikan Dan Perkembangan Tahun 2017, Vol. 6, Pp. 77-85.
- Robert W. Lyman.(2003). *Emotion and Film Theory*. Studies in Symbolic Interaction. Emerald.Com (169-187).

- Papilia, D. E., Old, S., & Feldman, S. (2008). *Human Development (Psikologi Perkembangan)*. Bagian V S/D IX. Jakarta: Kencana.
- Rafdeadi, R. 2015. *Representasi Identitas Remaja Perempuan dalam Sinetron Remaja Indonesia*. Jurnal Dakwah Risalah, 26(1), 33-43.
- Ratna Noviani.2011. *Konsep Diri Remaja Dalam Film Indonesia: Analisis Wacana Atas Film Remaja Indonesia Tahun 1970-2000-An*. Tesis Pascasarjana Universitas Gadjah Mada Yogyakarta. Kawistara. Volume 1: No. 1, 21 April 2011, Halaman 1-102.
- Retnaningish, R.1996.*Aktualisasi Diri*. Jakarta: Gunadarma.
- Santrock, J. W. (2007). *Translation Adolescent 7th Edition*. Jakarta: Erlangga.
- Sigit Surahman.2015. *Representasi Feminisme dalam Filem Indonesia*. Jurnal Ilmiah LISKI (Lingkar Studi Komunikasi)1(2),119-145,2015.
- Stuart Hall.(1995). *The White of Their Eyes: Racist Ideologies and the Media*, dalam Dines, Gail and Jean M. Humez (eds.), *Gender, Race and Class in Media: A Text Reader*, London: Thousand Oaks & New Delhi: Sage Publications.
- Stuart Hall.(1997). *Representation: Cultural Representations and Signifying Practices*. London Thousand Oaks,California:Sage in association with the Open University.
- Sigit Surahman.2015. *Representasi Feminisme dalam Filem Indonesia*. Jurnal Ilmiah LISKI (Lingkar Studi Komunikasi)1(2),119-145,2015.
- Tangney, J. P., Baumeister, R. F., & Boone, A. L. (2004). *High Self Control Predicts Good Adjustment, Less Pathology, Better Grades, And Interpersonal Succes*. Journal of Personality, Volume 72 (02), 271-322.
- Tim McNelis. (2017).*US Youth Films and Popular Music*. First published 2017 by Routledge 711 Third Avenue, New York, NY 10017.
- Ubong Imang.2015. *Sifat Dan Motivasi Penontonon Filem Dalam Kalangan Penonton Filem di Malaysia*. Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas (Konvokesyen ke-17 UMS) 2015.
- Yue Guo,Wen-Jing LIU ,Hong-Xian NIU,Tong-Hui QU ,Yu-Ting WANG.2015. *The Youth Image in Chinese and American Youth Films* International Journal of Humanities and Social Science Vol. 5, No. 10; October 2015.
- Wilis Destiana Ningrum.2019. *Representasi Gaya Hidup Remaja Dalam Film (Analisis Semiotika Roland Barthes Dalam Film Generasi Micin)*. Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik Universitas Lampung Bandar Lampung.

MAKLUMAT PENULIS

BAMBANG SUHARTONO MOHD SAID

Pusat Kajian Media dan Komunikasi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Selangor.
bamsaid2164@gmail.com

PROF. MADYA WAN AMIZAH WAN MAHMUD

Pusat Kajian Media dan Komunikasi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Selangor.

wan_amizah@ukm.edu.my

BADRUL REDZUAN ABU HASSAN

Pensyarah Kanan,
Pusat Kajian Media dan Komunikasi,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Selangor.
brah@ukm.edu.my